

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN (BAYAN BARU)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah masuk dan keluar pelawat bukan warganegara ke Malaysia sejak mulanya PKP sehingga 31 Oktober 2020. Nyatakan mengikut negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuat kuasa oleh Kerajaan bermula 18 Mac 2020 sehingga kini bagi membendung penularan pandemik COVID-19, dan ianya termasuklah pengukuhan kawalan pintu masuk dan sempadan negara.

Bagi tujuan ini, Kerajaan memperkenalkan kawalan kemasukan warganegara asing ke Malaysia melalui penetapan syarat-syarat permohonan yang ketat bagi kategori warganegara asing yang dibenarkan serta pertimbangan kemasukan secara *case-to-case basis*.

Bagi tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga 19 November 2020, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) merekodkan sebanyak 1,210,258 orang warganegara asing telah melakukan pergerakan masuk (ketibaan) ke Malaysia. Bagi tempoh yang sama, sejumlah 1,375,588 orang warganegara asing telah melakukan pergerakan keluar negara. Warganegara yang mencatatkan pergerakan keluar dan masuk tertinggi adalah Singapura, Indonesia, Thailand, China dan India.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja yang berdaftar menganggur selepas 1 Mac 2020 sehingga 31 Oktober 2020 di Kawasan Daerah Barat Daya Pulau Pinang. Berapakah yang telah mendapat pekerjaan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian memantau keadaan pengangguran melalui rekod kehilangan pekerjaan dan juga pendaftaran pencari kerja aktif yang dikendalikan oleh PERKESO. Berdasarkan rekod PERKESO dari **Mac 2020 sehingga 31 Oktober 2020**, jumlah pekerja yang terlibat dengan kehilangan pekerjaan di Pulau Pinang adalah seramai 8,902 orang pekerja manakala jumlah pencari kerja pula adalah seramai 17,846 orang. Seramai 11,025 orang telah berjaya ditempatkan dari Mac sehingga 31 Oktober 2020. Jumlah yang telah mendapat pekerjaan semula dari kalangan mereka yang terlibat dengan kehilangan pekerjaan adalah seramai 3,692 orang.

2. Dari Mac 2020 sehingga 31 Oktober 2020 bagi kawasan **Daerah Barat Daya Pulau Pinang**, seramai **2,148** orang pekerja telah berjaya ditempatkan dan jumlah kehilangan pekerjaan pula adalah seramai **1,140** orang pekerja.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kementerian mengenai kedudukan sekolah-sekolah vernakular di negara kita. Apakah tindakan Kementerian dalam mendidik dan membidas anasir-anasir berniat jahat yang sentiasa menuding jari terhadap sekolah-sekolah vernakular yang kononnya menjadi batu penghalang kepada hasrat perpaduan nasional

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan melalui Sistem Pendidikan Kebangsaan berteraskan Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*] dan peraturan-peraturan di bawahnya. Sehubungan dengan itu, kewujudan dan pengoperasian Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) selama ini adalah jelas seperti yang diperuntukkan di bawah akta yang sama. KPM berpandangan bahawa pemahaman dan interpretasi sesetengah pihak tertentu tentang kedudukan SJK adalah bersifat peribadi dan tidak berlandaskan fakta serta perundangan yang sedang berkuat kuasa. Namun begitu, jika terdapat pandangan-pandangan negatif yang menggugat ketenteraman awam, pihak kementerian akan memberi penjelasan kepada umum/ kumpulan/ individu berkenaan supaya mereka memahami aspirasi Dasar Pendidikan Negara dengan lebih jelas. Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pekerja yang telah dibuang kerja pada tahun ini. Sejauh manakah Skim Insurans Pekerja telah digunakan untuk membantu mereka yang diberhentikan kerja akibat pandemik COVID-19. Adakah Kerajaan bercadang untuk membuat suntikan dana tambahan dalam tabung Skim Insurans Pekerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Dewan yang mulia ini, berdasarkan rekod Sistem Insurans Pekerjaan (SIP), kes kehilangan pekerjaan sehingga 27 November 2020 adalah sebanyak 99,696 orang pekerja dan sebanyak RM315 juta telah dibayar kepada penerima faedah yang kehilangan pekerjaan.
2. Manakala bagi pekerja (Orang Berinsurans) yang kehilangan pekerjaan tetapi tidak mencukupi dari segi kelayakan caruman, Kerajaan telah memperuntukkan RM10 juta di bawah program yang dikenali sebagai Program SIP Plus 600. Di bawah program ini, pekerja yang terjejas akan dibantu dengan bantuan kewangan RM600 sebulan untuk tempoh tiga (3) bulan atau sehingga pekerja tersebut mendapat pekerjaan semula, mana-mana yang lebih awal.
3. Selain itu, pekerja tersebut layak untuk menerima faedah latihan di bawah Program Latihan (*Training Plus*). Melalui program ini, pekerja diberi bantuan latihan sebanyak RM30 sehari mengikut rekod kehadiran menjalani latihan, yang dibayar secara bulanan kepada pekerja bagi tempoh maksimum tiga (3) bulan. Selain itu, Fi Latihan sebanyak RM6,000 dibayar kepada penyedia latihan yang dilantik oleh PERKESO, tertakluk kepada sekali kelayakan sahaja bagi setiap pekerja dalam tempoh program ini.
4. Kerajaan prihatin dengan nasib pekerja yang telah kehilangan pekerjaan dan mengalami kesukaran untuk mendapat pekerjaan baharu. Pada masa ini, Elaun Mencari Pekerjaan untuk mereka yang dilindungi di bawah Sistem Insurans Pekerjaan PERKESO adalah untuk 6 bulan yang bermula pada kadar 80% gaji bulanan pekerja dan berkurang secara beransur kepada kadar 30% gaji bulanan pekerja.
5. Bagi membantu pekerja yang telah kehilangan pekerjaan, Kerajaan melalui Belanjawan 2021 memperuntukkan sebanyak RM150 juta dan dijangka akan memanfaatkan 130 ribu pekerja kehilangan

pekerjaan. Peruntukan ini bertujuan untuk penambahbaikan bayaran Elaun Mencari Pekerjaan (EMP). Mulai tahun 2021, tempoh EMP akan dilanjutkan selama tiga (3) bulan dan kadar layak menuntut adalah 80% bagi bulan pertama, 50% bagi bulan kedua hingga bulan keenam dan seterusnya 30% bagi tiga (3) bulan terakhir.

6. Selain daripada itu, bantuan pencarian pekerjaan untuk membantu pekerja yang telah kehilangan pekerjaan juga telah dilaksanakan agar mereka dapat kembali bekerja semula dalam masa yang singkat.

7. Kerajaan juga telah melaksanakan penggunaan Portal Perkhidmatan Pekerjaan Nasional yang dikenali sebagai MYFutureJobs. Portal pekerjaan ini telah menjadi platform untuk membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan.

8. Seterusnya, Kementerian melalui PERKESO turut melaksanakan program Karnival PenjanaKerjaya. Program ini memudahkan lagi pencari kerja dan majikan untuk bertemu agar hasrat kedua-dua pihak tercapai yang mana majikan memerlukan pengisian untuk kekosongan yang wujud dan pencari kerja pula menginginkan pekerjaan. Walau bagaimanapun, situasi pada ketika ini juga perlu diberi perhatian iaitu usaha untuk membendung penularan wabak Covid-19. Maka dengan itu, temuduga secara atas talian juga telah digunapakai agar usaha untuk membendung penularan wabak Covid-19 dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Buat masa ini, dana Kumpulan Wang Insurans Pekerjaan (KWIP) adalah mencukupi untuk menampung keperluan tuntutan kes kehilangan pekerjaan dan Kementerian amat menghargai penambahbaikan yang telah dibentangkan dalam Belanjawan 2021.

Sekian, terima kasih.